

I-Gold Personal Account

Pelaburan dan simpanan emas patuh syariah untuk masa hadapan anda

APA ITU I-GOLD PERSONAL ACCOUNT (i-GPA)

i-GPA adalah produk akaun emas atas talian yang memberikan kemudahan kepada Anggota orang ramai dan Anggota Koop Sahabat khususnya untuk membeli emas berketulenan 999.9 milik Koop Sahabat dan KAB Gold yang diperuntukkan (*allocated*) untuk dibeli secara pemilikan bersama tanpa perlu menyimpan sendiri emas fizikal tersebut atau bimbang dengan keselamatan emas semasa menyimpannya.

KENAPA MEMILIH i-GPA?

- i. Pelanggan boleh menikmati harga yang lebih kompetitif berbanding kedai emas biasa.
- ii. Pembelian dengan harga serendah RM10.00 sahaja
- iii. Harga emas akan dikemaskini setiap hari pada jam 12.00 tengah malam di laman sesawang <https://app.sahabatgold.my> atau jika terdapat kenaikan atau penurunan harga emas di pasaran dunia yang sangat ketara.
- iv. Emas milik pelanggan akan disimpan secara percuma.
- v. Pelanggan mempunyai pilihan untuk menebus i-GPA dengan emas fizikal dalam bentuk jongkong emas atau dinar dengan denominasi tertentu.
- vi. Pelanggan boleh menjual kembali emas di dalam i-GPA atau emas yang telah difizikalkan kepada Koop Sahabat/ KAB Gold pada harga jualan balik seperti yang tertera di <https://app.sahabatgold.my>
- vii. Tiada baki minimum ditetapkan untuk akaun kekal aktif. Semua gram emas di dalam akaun i-GPA pelanggan adalah milik pelanggan sepenuhnya.
- viii. Pelanggan dibenarkan untuk mengosongkan akaun i-GPA sama ada melalui penebusan emas fizikal atau aktiviti jual balik.
- ix. Pelanggan juga boleh membeli emas fizikal (*outright purchase*) sama ada dalam bentuk jongkong emas atau dinar yang mana dikeluarkan secara edisi terhad dengan denominasi tertentu.
- x. Dijamin patuh syariah

CIRI-CIRI i-GPA

1. Terbuka Kepada :

Perkara	Keterangan
Individu	a. Berumur 18 tahun dan ke atas. b. Bawah 18 tahun (akaun bersama ibu/bapa/penjaga).
Bukan Individu	a. Syarikat atau badan berdaftar. b. Pemilikan Tunggal.

2. Ketulenan Emas

Jongkong emas fizikal dengan ketulenan 999.9 yang diuji dan disahkan oleh KL Assay Office (M) Sdn. Bhd.

3. Mata Wang Urusniaga

Ringgit Malaysia ("MYR") sahaja.

4. Prinsipal Emas

Amaun prinsipal emas yang dibeli dalam Ringgit Malaysia adalah tidak dijamin.

5. Keperluan Transaksi Pembelian.

Pelanggan boleh membeli i-GPA melalui laman sesawang <https://app.sahabatgold.my> dengan menggunakan sistem pembayaran atas talian (FPX) melalui mana-mana akaun bank sedia ada milik pelanggan.

KAEDAH UNTUK MEMBUKA DAN MENUTUP AKAUN, BELI, JUAL, PINDAHAN, PENEBUSAN DAN JUAL BALIK EMAS.

1. Buka Akaun : Layari halaman pendaftaran di <https://app.sahabatgold.my>
2. Tutup Akaun : Tidak boleh dilakukan.
Walau bagaimanapun, pelanggan dibenarkan untuk mengosongkan akaun i-GPA sama ada melalui penebusan emas fizikal atau jual balik.
3. Beli Dan Jual Emas : Layari halaman jual beli i-GPA di <https://app.sahabatgold.my>
4. Pindahan Emas : Tidak boleh dilakukan.
5. Penebusan Emas Fizikal : Hubungi khidmat pelanggan Koop Sahabat/ KAB Gold untuk proses penebusan emas fizikal.
6. Jual Balik Emas Fizikal : Hubungi khidmat pelanggan Koop Sahabat/ KAB Gold untuk proses jual balik emas fizikal. Tertakluk kepada harga jual balik (*buyback*) yang dipaparkan di <https://app.sahabatgold.my>

HUBUNGI KAMI

Perkara	Info	
Alamat	Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad, Lot 2-3, 2-3A, 2-5 & 1, 5, Jalan Cempaka SD 12/1, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur	KAB Goldynamics Sdn. Bhd. 35-1, KL Traders Square No. 99, Jalan Gombak, Kampung Kuantan 53000 Kuala Lumpur
Waktu operasi	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 5.00 ptg	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 5.00 ptg
No Telefon	03-62701236 / 013-2079056	010 3233 341
Email	sahabatgold@koopsahabat.my	sales@kabgold.my